PENDEKATAN PEMBELAJARAN INKUIRI DALAM KEMAHIRAN
MENULIS BAHASA INGGERIS DI MADRASAH
NEGERI MAKASSAR

SITTI HAMSINA RAIS

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Kurikulum dan Pengajaran)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

DISEMBER 2015

# DEDIKASI

Hasil kerja ini ditujukan khas buat,
Ibunda Hajah. Napisah yang sentiasa mendo'akan kejayaan ini,
dan juga kepada Al Marhum Ayahanda Haji. Muh. Asaf
dan yang teristimewa untuk
Suamiku, Abdul Rais tercinta serta anak-anakku tersayang
Risqah Annisa Pratiwi, dan Fiqril Aditya Rahmansyah

Sebagai sumber inspirasi dan sukacita dalam setiap momen hidupku dan telah sanggup berkorban untuk kejayaanku dalam menyempurnakan penulisan ini.

Kejayaan Ini Milik Kita Bersama

# PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah s.w.t. yang amat pemurah lagi maha mengasihi kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyempurnakan kajian dan penyelesaian tesis ijazah Doktor Falsafah ini dengan jayanya. Penulis merakamkan jutaan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia kajian ini, Dr. Ahmad Johari Bin Sihes atas segala bimbingan, tunjuk ajar, nasihat, dan dorongan yang berterusan sepanjang kajian ini dijalankan. Ucapan terima kasih pula penulis sampaikan kepada Dr. Sanitah Binti Mohd. Yusof atas segala bantuan dan sokongan yang diberikan.

Penghargaan ini turut ditujukan kepada Gubernur Provinsi Sulawesi Selatan, Bapak Syahrul Yasin Limpo yang telah memberikan beasiswa untuk meneruskan pengajian di Malaysia. Merupakan satu penghormatan yang sangat besar bagi saya menjadi salah satu rakyat yang terpilih untuk meneruskan pendidikan. *Pengabdianku Bagimu negeriku.* Jutaan terima kasih juga kepada semua pihak di UTM, atas segala kerjasama dan bantuan dalam menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga buat saudara-saudaraku, rakan-rakan seperjuangan, Dr. Dodo Yakubu Aminu, Dr. Karim Mattarima, Dr. Andi Ernawati AZ, Dr. H. Husen Sarujin, dan yang lainnya, terima kasih yang tidak terhingga di atas sokongan kalian. Kepada kalian tiada lain-lain yang mampu diberikan,semoga segala jasa dan budi yang telah dicurahkan akan mendapat balasan daripada Allah s.w.t.

Jasamu tetap kukenang, sekian terima kasih.

## ABSTRAK

Pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar di Makassar masih menghadapi pelbagai masalah dan cabaran. Oleh itu, adalah penting untuk menangani masalah dan cabaran tersebut dengan pendekatan yang betul. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis pendekatan pembelajaran inkuiri yang dapat meningkatkan pencapaian kemahiran menulis Bahasa Inggeris pelajar dan mengenal pasti masalah-masalah dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris. Reka bentuk kajian ini adalah eksperimental kuasi berdasarkan kaedah penerangan berurutan yang menggabungkan teknik kuantitatif dan kualitatif. Dua buah kelas gred 10 di Madrasah Aliyah Negeri 3 Makassar yang mengandungi 35 orang pelajar dalam setiap kelas dipilih sebagai responden. Satu kelas diajar kemahiran menulis Bahasa Inggeris menggunakan lima jenis pendekatan pembelajaran inkuiri iaitu inkuiri pengesahan, inkuiri terstruktur, inkuiri terbimbing, inkuiri terbuka, dan inkuiri autentik, manakala satu kelas yang lain diajar menggunakan pendekatan konvensional. Data kuantitatif dikumpulkan melalui ujian pra dan ujian pos kemahiran menulis Bahasa Inggeris bagi kedua-dua kelas dan dianalisis menggunakan min dan ujian t. Dapatan analisis ujian pra menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar yang diajar menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri dengan pelajar yang diajar menggunakan pendekatan pembelajaran konvensional. Dapatan analisis ujian pos menunjukkan bahawa markah pelajar yang diajar menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri lebih tinggi berbanding dengan markah pelajar yang diajar menggunakan pendekatan pembelajaran konvensional serta menunjukkan perbezaan yang signifikan. Kemudian seramai 11 orang responden yang telah diajar menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri ditemu bual dalam kumpulan fokus. Data temu bual dianalisis menggunakan kaedah tematik. Dapatan temu bual menunjukkan bahawa pelajar berpencapaian rendah dan sederhana dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris meminati jenis pendekatan pembelajaran inkuiri terbimbing manakala pelajar berpencapaian tinggi meminati jenis pendekatan pembelajaran inkuiri autentik. Selain itu pelajar yang diajar menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri dapat meningkatkan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris mereka. Daripada lima elemen kemahiran menulis iaitu, kandungan, organisasi, kosa kata, penggunaan bahasa, dan mekanik terdapat dua elemen bermasalah iaitu elemen penggunaan bahasa dan kosa kata. Pelajar sukar mengembangkan tulisan kerana sukar membezakan penggunaan struktur Bahasa Inggeris serta mempunyai kosa kata yang terhad. Hasil daripada kajian ini ialah satu cadangan pelaksanaan pendekatan pembelajaran inkuiri yang meningkatkan kemahiran menulis Bahasa Inggeris pelajar Madrasah Negeri di Makassar.

## ABSTRACT

Learning of English writing skills among students in Makassar is still facing problems and challenges. Therefore, it is important to address those problems and challenges with the right approach. The purpose of this study is to identify the type of inquiry learning approach that can improve students' performance in English writing skills and also to identify the problems faced by students in learning of English writing skills. The research design utilised quasi eksperimental method using sequential explanatory approach which combines quantitative and qualitative techniques. Two 10$^{th}$ grade classes in Madrasah Aliyah Negeri 3, Makassar consisting of 35 students in each class were selected as respondents. One class was taught English writing skills using five different types of inquiry learning approaches that are, confirmation inquiry, structured inquiry, guided inquiry, opened inquiry, and autentic inquiry, while the other class was taught using conventional approach. Quantitative data were collected through English writing skills pre-test and post-test for both classroom and were analyzed using mean and t-test. The pre-test analysis results showed that there is no significant difference between students who were taught using inquiry learning approach and students taught using conventional learning approach. However, The post-test analysis results showed that the students' performance taught using inquiry learning approach is higher than that of the students taught using conventional teaching approach, and also showed a significant difference between them.Then, a total of 11 respondents who were taught using inquiry learning approach were interviewed in a focus groups. The interview data were analysed thematically. Results of interviews showed that students with low and moderate achievements are more interested in guided inquiry learning approach while students with high achievements are more interested in autentic inquiry learning approach. In addition, this study found that students who were taught using inquiry learning approach, stated that the approach help to enhance their English writing skills. Among the five elements of writing skills, namely content, organization, vocabulary, language usage, and mechanics, it is found that there are two problematic elements for students: language usage and vocabulary. Students still have difficulties in developing their English writing because of their difficulties in differentiating the tenses and having limited vocabulary. The result of the study is a proposal for the implementation of inquiry learning approach that can improve the achievement of English writing skills among students in Madrasah Negeri Makassar.

# KANDUNGAN


| BAB | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| | **PERAKUAN** | ii |
| | **DEDIKASI** | iii |
| | **PENGHARGAAN** | iv |
| | **ABSTRAK** | v |
| | **ABSTRACT** | vi |
| | **KANDUNGAN** | vii |
| | **SENARAI JADUAL** | xiv |
| | **SENARAI RAJAH** | xviii |
| | **SENARAI SINGKATAN** | xix |
| | **SENARAI LAMPIRAN** | xx |
| **1** | **PENDAHULUAN** | **1** |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Masalah | 2 |
| | 1.2.1 Kesukaran Pelajar dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis | 6 |
| | 1.2.2 Pembelajaran Inkuiri dalam Kemahiran Menulis | 12 |
| | 1.3 Pernyataan Masalah | 14 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 16 |
| | 1.5 Soalan Kajian | 18 |
| | 1.6 Hipotesis Kajian | 19 |
| | 1.7 Rasional Kajian | 19 |
| | 1.8 Kepentingan Kajian | 21 |
| | 1.9 Kerangka Teori Kajian | 22 |
| | 1.10 Kerangka Konsep Kajian | 24 |
| | 1.11 Batasan Kajian | 26 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 1.12 | Definisi Operasional Kajian | 27 |
| | | 1.12.1 Pembelajaran Inkuiri | 27 |
| | | 1.12.1.1 Inkuiri Pengesahan | 28 |
| | | 1.12.1.2 Inkuiri Terstruktur | 28 |
| | | 1.12.1.3 Inkuiri Terbimbing | 28 |
| | | 1.12.1.4 Inkuiri Terbuka | 29 |
| | | 1.12.1.5 Inkuiri Autentik | 29 |
| | | 1.12.2 Pendekatan Pembelajaran Konvensional | 29 |
| | | 1.12.3 Kemahiran Menulis | 30 |
| | | 1.12.4 Rancangan Pembelajaran | 31 |
| | 1.13 | Penutup | 32 |
| **2** | **KAJIAN LITERATUR** | | **33** |
| | 2.1 | Pengenalan | 33 |
| | 2.2 | Kurikulum Bahasa Inggeris di Indonesia | 34 |
| | | 2.2.1 Sukatan Pembelajaran Bahasa Inggeris | 40 |
| | | 2.2.2 Rancangan pembelajaran Bahasa Inggeris | 43 |
| | 2.3 | Kemahiran Menulis | 45 |
| | | 2.3.1 Definisi Menulis | 46 |
| | | 2.3.2 Elemen Pengajaran Menulis | 47 |
| | | 2.3.3 Kepentingan Pembelajaran Menulis | 51 |
| | | 2.3.4 Pendekatan Penulisan | 56 |
| | 2.4 | Teori-Teori dalam Pendekatan Pembelajaran Inkuiri | 58 |
| | | 2.4.1 Model Pendekatan Pembelajaran Inkuiri | 62 |
| | | 2.4.1.1 Model Pendekatan Pembelajaran Inkuiri 5 E | 63 |
| | | 2.4.1.2 Model Pendekatan Pembelajaran Inkuiri Menurut Herron dan Banchi dan Bell | 64 |
| | | 2.4.1.3 Model Pendekatan Pembelajaran Inkuiri Alberta (2004) | 65 |
| | | 2.4.1.4 Model Pendekatan Pembelajaran Inkuiri Menurut Dewey (1991) | 65 |
| | | 2.4.1.5 Model Pendekatan Pembelajaran Inkuiri Menurut Murdoch & Wilson | 66 |
| | | 2.4.1.6 Model Pendekatan Pembelajaran Inkuiri Menurut Buck et al. | 66 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 2.4.2 Pendapat Beberapa Pakar tentang Pendekatan Pembelajaran Inkuiri | 68 |
| | | 2.4.2.1 Pendekatan Pembelajaran Inkuiri Terbimbing | 69 |
| | | 2.4.2.2 Pendekatan Pembelajaran Inkuiri Terstruktur | 72 |
| | | 2.4.2.3 Pendekatan Pembelajaran Inkuiri Terbuka | 72 |
| | | 2.4.2.4 Model Pembelajaran Kitaran | 73 |
| | | 2.4.3 Menjalankan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri Dalam Pembelajaran | 74 |
| | 2.5 | Kelebihan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri | 80 |
| | 2.6 | Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis | 81 |
| | 2.7 | Pendekatan Pembelajaran Konvensional | 84 |
| | 2.8 | Penutup | 88 |
| **3** | **METODOLOGI KAJIAN** | | **89** |
| | 3.1 | Pengenalan | 89 |
| | 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 89 |
| | 3.3 | Populasi Kajian | 92 |
| | 3.4 | Sampel Kajian | 93 |
| | | 3.4.1 Sampel Kajian Eksperimental Kuasi | 93 |
| | | 3.4.2 Sampel Temu bual Kumpulan Fokus | 94 |
| | 3.5 | Instrument Kajian | 94 |
| | | 3.5.1 Ujian Pembelajaran Kemahiran Menulis | 95 |
| | | 3.5.2 Soalan Temu bual Kumpulan Fokus | 96 |
| | 3.6 | Kesahan Instrumen | 97 |
| | | 3.6.1 Kesahan Ujian Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 97 |
| | | 3.6.2 Kesahan Rancangan Pembelajaran | 98 |
| | | 3.6.3 Kesahan Soalan Temu bual Kumpulan Fokus | 99 |
| | 3.7 | Perbincangan Hasil Kajian Rintis | 99 |
| | 3.8 | Cara dan Prosedur Pelaksanaan Kajian | 100 |
| | | 3.8.1 Cara Pelaksanaan Kajian | 100 |
| | | 3.8.2 Prosedur Pembelajaran dalam Pendekatan Pembelajaran Inkuiri | 108 |
| | | 3.8.3 Prosedur Pembelajaran dalam Pendekatan Pembelajaran Konvensional | 109 |
| | | 3.8.4 Sesi Temu bual Kumpulan Fokus | 112 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 3.9 | Jadual Pelaksanaan Kajian | 113 |
| | 3.10 | Prosedur Pengumpulan Data | 115 |
| | | 3.10.1 Data daripada Pelaksanaan Ujian Pra | 116 |
| | | 3.10.2 Pelaksanaan Pembelajaran dengan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dan Pendekatan Pembelajaran Konvensional | 116 |
| | | 3.10.3 Data dari Pelaksanaan Ujian Pos | 118 |
| | | 3.10.4 Data dari Pelaksanaan Temu bual Kumpulan Fokus | 118 |
| | 3.11 | Teknik Analisis Data | 119 |
| | | 3.11.1 Teknik Analisis Data Bahagian 1 | 119 |
| | | 3.11.2 Teknik Analisis Data Bahagian 2 | 123 |
| | | 3.11.3 Teknik Analisis Data Bahagian 3 | 123 |
| | 3.12 | Penutup | 130 |
| **4** | **DAPATAN KAJIAN** | | **131** |
| | 4.1 | Pengenalan | 131 |
| | 4.2 | Demografi Pelajar | 132 |
| | | 4.2.1 Demografi Pelajar untuk Data Kuantitatif | 134 |
| | | 4.2.2 Demografi Pelajar untuk Data Kualitatif | 134 |
| | 4.3 | Dapatan Kajian | 135 |
| | | 4.3.1 Dapatan Kajian Kuantitatif | 136 |
| | | 4.3.1.1 Tahap Pencapaian Ujian Pra Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 136 |
| | | 4.3.1.2 Tahap Pencapaian Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri Dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris Selepas Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri | 145 |
| | | 4.3.1.3 Tahap Pencapaian Ujian Pra Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 149 |

4.3.1.4 Tahap Pencapaian Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris 155

4.3.1.5 Perbezaan Pencapaian Kemahiran Menulis berdasarkan Ujian Pra Antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dengan Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris 163

4.3.1.6 Perbezaan Pencapaian Ujian Pos Kemahiran Menulis Antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dengan Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran konvensional dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris 172

4.3.2 Dapatan Kajian Kualitatif 180

4.3.2.1 Pendekatan Inkuiri yang Paling Diminati Pelajar dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris 181

4.3.2.2 Masalah-Masalah yang Didapati Pelajar dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris 187

4.4 Penutup 192

**5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN 193**

5.1 Pengenalan 193

5.2 Rumusan Dapatan Kajian 194

5.3 Perbincangan 195

5.3.1 Pencapaian Ujian Pra Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dalam Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris di MAN 3 Makassar 196

5.3.2 Pencapaian Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris di MAN 3 Makassar 197

5.3.3 Pencapaian Ujian Pra Pelajar yang Menggunakan

Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris di MAN 3 Makassar 200

5.3.4 Pencapaian Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris di MAN 3 Makassar 201

5.3.5 Perbezaan Pencapaian Ujian Pra antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dengan Pelajar yang menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris 204

5.3.6 Perbezaan Pencapaian Ujian Pos antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri Dengan Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris 205

5.3.6.1 Perbezaan Pencapaian Elemen Kandungan Ujian Poaantara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dengan Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris 208

5.3.6.2 Perbezaan Pencapaian Elemen Organisasi Ujian Pos antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dengan Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris 209

5.3.6.3 Perbezaan Pencapaian Elemen Kosa kata Ujian Pos antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dengan Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris 210

5.3.6.4 Perbezaan Pencapaian Elemen Penggunaan Bahasa Ujian Pos antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dengan Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris 211
5.3.6.5 Perbezaan Pencapaian Elemen Mekanik Ujian Pos antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dengan Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris 212
5.3.7 Pendekatan Pembelajaran Inkuiri yang Paling Diminati Pelajar dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris 214
5.3.8 Masalah-Masalah yang Dihadapi oleh Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris di MAN 3 Makassar 220
5.3.9 Pembinaan Garis Panduan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri Terbimbing dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris 225
5.4 Implikasi 232
5.5 Cadangan Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri yang boleh Meningkatkan Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris 236
5.6 Cadangan untuk Kajian Masa Hadapan 238
5.7 Penutup 239

**RUJUKAN** **240**
Lampiran A - Q 253- 295

## SENARAI JADUAL


| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 2.1 | Ciri dan Tahap Inkuiri Menurut Buck et al. (2008) | 67 |
| 3.1 | Reka Bentuk Gabungan Eksperimental Kuasi dengan Model Kuantitatif dan Kualitatif | 91 |
| 3.2 | Prosedur Pembelajaran Inkuiri dan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 110 |
| 3.3 | Jumlah Pertemuan dalam Proses Pembelajaran | 114 |
| 3.4 | Rubrik Penilaian Ujian Kemahiran Menulis | 120 |
| 3.5 | Interpretasi dalam Skor secara Keseluruhan | 122 |
| 3.6 | Ringkasan Teknik Analisis Data | 128 |
| 4.1 | Profil Sampel Kajian Kuantitatif | 133 |
| 4.2 | Profil Sampel untuk Data Kualitatif | 134 |
| 4.3 | Tahap Pencapaian Elemen Kandungan Ujian Pra Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 136 |
| 4.4 | Tahap Pencapaian Elemen Organisasi Ujian Pra Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 137 |
| 4.5 | Tahap Pencapaian Elemen Kosa kata Ujian Pra Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 138 |
| 4.6 | Tahap Pencapaian Elemen Penggunaan Bahasa Ujian Pra Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 139 |
| 4.7 | Tahap Pencapaian Elemen Mekanik Ujian Pra Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 140 |
| 4.8 | Tahap Pencapaian Keseluruhan Ujian Pra Pelajar | |

| | | |
|---|---|---|
| | yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 141 |
| 4.9 | Tahap Pencapaian Elemen Kandungan Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 143 |
| 4.10 | Tahap Pencapaian Elemen Organisasi Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 144 |
| 4.11 | Tahap Pencapaian Elemen Kosa kata Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 145 |
| 4.12 | Tahap Pencapaian Elemen Penggunaan Bahasa Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 146 |
| 4.13 | Tahap Pencapaian Elemen Mekanik Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 147 |
| 4.14 | Tahap Pencapaian Keseluruhan Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 148 |
| 4.15 | Tahap Pencapaian Elemen Kandungan Ujian Pra Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 149 |
| 4.16 | Tahap Pencapaian Elemen Organisasi Ujian Pra Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 150 |
| 4.17 | Tahap Pencapaian Elemen Kosa kata Ujian Pra Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 151 |
| 4.18 | Tahap Pencapaian Elemen Penggunaan Bahasa Ujian Pra Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 152 |
| 4.19 | Tahap Pencapaian Elemen Mekanik Ujian Pra Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 153 |
| 4.20 | Tahap Pencapaian Keseluruhan Ujian Pra Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional | |

| | | |
|---|---|---|
| | dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 154 |
| 4.21 | Tahap Pencapaian Elemen Kandungan Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 155 |
| 4.22 | Tahap Pencapaian Elemen Organisasi Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 156 |
| 4.23 | Tahap Pencapaian Elemen Kosa kata Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 157 |
| 4.24 | Tahap Pencapaian Elemen Penggunaan Bahasa Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 158 |
| 4.25 | Tahap Pencapaian Elemen Mekanik Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 159 |
| 4.26 | Tahap Pencapaian Keseluruhan Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 160 |
| 4.27 | Ringkasan Nilai Min Tahap Pencapaian Pembelajaran Kemahiran Menulis dan Elemennya Pada Kedua-Dua Kumpulan | 161 |
| 4.28 | Perbezaan Pencapaian Elemen Kandungan antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dengan Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional Berdasarkan Hasil Ujian Pra | 163 |
| 4.29 | Perbezaan Pencapaian Elemen Organisasi antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dengan Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional Berdasarkan Hasil Ujian Pra | 165 |
| 4.30 | Perbezaan Pencapaian Elemen Kosa kata antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dengan Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional Berdasarkan Hasil Ujian Pra | 166 |
| 4.31 | Perbezaan Pencapaian Elemen Penggunaan Bahasa antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dengan Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional Berdasarkan Hasil Ujian Pra | 167 |

| | | |
|---|---|---|
| 4.32 | Perbezaan Pencapaian Elemen Mekanik antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dengan Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional Berdasarkan Hasil Ujian Pra | 169 |
| 4.33 | Perbezaan Pencapaian Keseluruhan antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional Berdasarkan Hasil Ujian Pra | 170 |
| 4.34 | Perbezaan Pencapaian Elemen Kandungan antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dengan Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional Berdasarkan Hasil Ujian Pos | 172 |
| 4.35 | Perbezaan Pencapaian Elemen Organisasi antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dengan Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional Berdasarkan Hasil Ujian Pos | 173 |
| 4.36 | Perbezaan Pencapaian Elemen Kosa kata antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dengan Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional Berdasarkan Hasil Ujian Pos | 175 |
| 4.37 | Perbezaan Pencapaian Elemen Penggunaan Bahasa antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dengan Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Berdasarkan Hasil Ujian Pos | 176 |
| 4.38 | Perbezaan Pencapaian Elemen Mekanik antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional Berdasarkan Hasil Ujian Pos | 177 |
| 4.39 | Perbezaan Pencapaian Keseluruhan antara Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional Berdasarkan Hasil Ujian Pra | 178 |
| 4.40 | Ringkasan Perbezaan Ujian Pra dan Ujian Pos dalam Pembelajaran Inkuiri dan Pembelajaran Konvensional | 179 |
| 4.41 | Masalah bagi Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 190 |

## SENARAI RAJAH


| NO. RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 1.1 | Kerangka Teori Kajian | 24 |
| 1.2 | Kerangka Konseptual Kajian | 25 |
| 2.1 | Putaran Pembelajaran Inkuiri Terbimbing | 70 |
| 2.2 | Model Inkuiri Terbimbing | 71 |
| 2.3 | Fleksibel dalam Model Inkuiri | 73 |
| 2.4 | Enam Peringkat dalam Kitaran Inkuiri | 76 |
| 3.1 | Cara Pelaksanaan Kajian | 102 |
| 4.1 | Pemerosesan Data Kualitatif | 125 |
| 5.1 | Model Garis Panduan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri Terbimbing dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris Berdasarkan Rancangan Pembelajaran Kandungan Tempatan. | 230 |

## SENARAI SINGKATAN

| | | |
|---|---|---|
| BI | - | Bahasa Inggeris |
| CD | - | Compact Disc |
| DEPDIKNAS | - | Departemen Pendidikan Nasional |
| $H_0$ | - | Hipotesis Null |
| MAN | - | Madrasah Aliyah Negeri |
| P & P | - | Pengajaran dan Pembelajaran |
| PGRI | - | Persatuan Guru Republik Indonesia |
| SMA | - | Sekolah Menengah Atas |
| SR | - | Pelajar Tahap Rendah |
| SS | - | Pelajar Tahap Sederhana |
| ST | - | Pelajar Tahap Tinggi |

## SENARAI LAMPIRAN


| LAMPIRAN | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| A | Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran Pendekatan Pembelajaran Inkuiri | 253 |
| B | Soalan Temu Bual Kumpulan Fokus | 273 |
| C | Gambar Ujian Pra Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 274 |
| D | Gambar Ujian Pos Kemahiran Menulis Bahasa Inggeris | 275 |
| E | Hasil Ujian Pra dan Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Inkuiri | 276 |
| F | Hasil Ujian Pra dan Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional | 278 |
| G | Markah Ujian Pra dan Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Inkuiri | 280 |
| H | Markah Ujian Pra dan Ujian Pos Pelajar yang Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Konvensional | 281 |
| I | Deskripsi atau Nota Kumpulan Temu bual | 282 |
| J | Hasil Tes Homoginiti | 284 |
| K | Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada UTM | 285 |
| L | Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada BKPMD Pemerintah Provinsi Sulawesi Selatan | 286 |
| M | Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada Kementerian Agama Provinsi Sulawesi Selatan | 287 |
| N | Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada Madrasah Aliyah Negeri 3 Makassar | 288 |
| O | Pengesahan Pakar Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran Inkuiri | 289 |
| P | Pengesahan Pakar Tes Kemampuan Menulis Menggunakan Gambar | 291 |

| | | |
|---|---|---|
| Q | Pengesahan Pakar  Soalan Temu bual Kumpulan Fokus | 293 |
| R | Senarai Markah Pelajar Madrasah Aliyah Negeri 3 Makassar | 295 |

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Mata pelajaran Bahasa Inggeris telah menjadi mata pelajaran wajib di sekolah rendah dan menengah di Indonesia bermula pada tahun 2006. Aktivity pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris direkabentuk untuk memberikan pengalaman pembelajaran melalui proses mental dan fizikal antara pelajar, perserikatan sekolah, guru, dan semua faktor yang mempengaruhi pembelajaran kemahiran bahasa. Terdapat empat kemahiran bahasa dalam pembelajaran Bahasa Inggeris iaitu, kemahiran menulis, kemahiran membaca, kemahiran mendengar, dan kemahiran bertutur. Ianya boleh diajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan pelbagai pendekatan. Pengalaman pembelajaran pelajar pula perlu disesuaikan dengan potensi pembangunan keperluan pelajar secara aktif serta objektif pembelajaran Bahasa Inggeris dan tujuan pendidikan di Indonesia.

Pendekatan pengajaran yang kurang melibatkan pelajar secara aktif tidak memberi kesempatan yang luas bagi pelajar untuk menggunakan pengalaman belajar secara kendiri, sehingga pelajar tidak mampu mencapai kemahiran yang diinginkan secara maksimum berdasarkan tujuan pembelajaran (Doolittle dan Camp, 1999; Windiyati, 2010). Seterusnya Rahayu (2011) menyatakan bahawa pengajaran masih berpusat daripada guru (*teacher centered*) manakala pelajar hanya duduk dan

menyemak isi kandungan yang diajarkan. Cabaran melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar ini terdapat dalam semua mata pelajaran. Oleh itu guru tidak semestinya mendominasi proses pengajaran dan pembelajaran, kerana sebagai fasilitator, guru berperanan memberi maklumat, bimbingan, arahan dan motivasi kepada pelajar untuk membangunkan pencapaiannya sehingga kurikulum pembelajaran berpusatkan pelajar *(student centered)* dapat dilaksanakan dengan jayanya (Depdiknas, 2006).

Salah satu pendekatan pembelajaran yang berpusatkan pelajar ialah pendekatan inkuiri yang dikaitkan dengan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris yang menjadi fokus kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan pencapaian kemahiran menulis Bahasa Inggeris pelajar dengan menggunakan pendekatan inkuiri. Dengan belbagai kelebihan pendekatan inkuiri yang dinyatakan oleh beberapa pakar seperti (Buck, Stacey, dan Marcy, 2008; Cuban, 1993; Crawford, Kathleen dan Short, Kathy, 1996; Myers, Jamie dan Beach, Richard, 2001) yang menghubungkan dunia sosial pelajar dengan proses pengajaran dan pembelajaran, maka kemahiran menulis Bahasa Inggeris pelajar dijangka dapat ditingkatkan.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Bahasa Inggeris di Indonesia pertama kali disebut secara rasmi pada tahun 1955 dalam Konferensi Pelatihan Guru oleh Mr. Wachendorff (Pengetua Inspektorat Pengajaran Bahasa Inggeris) pada Kementerian Pendidikan. Ia menyatakan bahawa Bahasa Inggeris sukar digunakan secara meluas di Indonesia sampai menjadi bahasa rasmi kedua, tetapi Bahasa Inggeris boleh menjadi bahasa asing pertama di Indonesia (Komaria, 1998). Selari dengan itu, Dardjowidjojo (2000) menyatakan pula bahawa Bahasa Inggeris dipelajari sebagai salah satu bahasa asing di Indonesia sejak tahun 1950-an. Seterusnya, Luader (2008) menyatakan bahawa Bahasa

Inggeris adalah penting dalam sistem pendidikan Indonesia walaupun Bahasa Inggeris tidak digunakan secara meluas sebagai alat komunikasi sehari-hari.

Mata pelajaran Bahasa Inggeris yang menjadi tumpuan kajian ini, telah diajarkan sebagai bahasa asing di Indonesia untuk menguasai empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, membaca, bertutur, dan menulis. Menurut Thalal (2010) walaupun mata pelajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing di Indonesia, tetapi ia menjadi mata pelajaran wajib. Berbagai pendekatan pengajaran Bahasa Inggeris telah dilaksanakan di Indonesia bagi mencapai kemahiran Bahasa Inggeris, tetapi hasil yang diperoleh masih jauh daripada jangkaan (Thalal, 2010; Lie, 2007). Dapatan Kajian Walyani (2007) menyimpulkan bahawa Bahasa Inggeris dipelajari hanya sebagai mata pelajaran wajib yang mesti diikuti pelajar, bukan kerana keinginan yang tinggi untuk menggunakan kemahiran bahasa.

Kajian Yaumi (2010) mendapati bahawa masih ramai guru menggunakan pendekatan pembelajaran konvensional iaitu, 86.62% guru menggunakan kaedah ceramah, latih tubi, dan menghafal, dan hanya 13.67 % menggunakan pembelajaran berpusat kepada pelajar.

Seterusnya pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru semestinya tidak menggunakan pendekatan pengajaran konvensional (Doolittle dan Camp, 1999) seperti pendekatan syarahan di depan kelas, kerana melalui pendekatan ini, pelajar tidak langsung dapat mengamalkan kemahiran Bahasa Inggeris sehingga pelajar sukar untuk mencapai kemahiran tersebut. Oleh itu, guru semestinya mengamalkan pelbagai pendekatan pengajaran sesuai dengan kurikulum Bahasa Inggeris, bagi menggalakkan penyertaan aktif pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang membolehkan mereka memahami dan berupaya menyelesaikan masalah yang diberikan oleh guru (Parr dan Edwards, 2004; Herman dan Knobloch, 2004; Baker, Barstack, Clark, Hull, Goodman, Kook, Kraft, Ramakrishna, Roberts, Shaw, Weaver, & Lang, (2008). Melalui pelbagai pendekatan pengajaran, guru Bahasa Inggeris dijangka mampu menggalakkan pelajar untuk mencapai kemahiran bahasa.

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang mampu menggalakkan penyertaan pelajar ialah pendekatan pembelajaran inkuiri (Ekowati, Suyanto, dan Samhati 2013; Rahayu, 2011; Tanto dan Luciana, 2009; Brown, 2008). Menurut Atkinson, Maxine Hunt, & Andrea (2008) dalam usaha menggalakkan pembelajaran kendiri pelajar, pendekatan pembelajaran inkuiri boleh membantu pelajar. Seterusnya, pembelajaran inkuiri mempunyai pelbagai pendekatan yang boleh membimbing pelajar untuk belajar, menilai, dan mengamalkan kemahiran mereka. Manakala kemahiran Bahasa Inggeris perlu diamalkan sama ada dalam pembelajaran di dalam kelas mahupun di luar kelas dalam konteks pendidikan di Indonesia (Utami dan Cahyono, 2006).

Guru perlu berperanan dalam bilik darjah melibatkan pelajar secara langsung dalam melibatkan kemahiran mereka. Menurut White *et al*. (1999), seorang guru yang menjalankan pembelajaran inkuiri adalah berbeza daripada seorang guru yang menjalankan pembelajaran konvensional. Melalui arahan yang diberikan secara langsung kepada pelajar, guru berupaya membantu dan membimbing pelajar menjana soalan-soalan berkaitan dengan isi kandungan mata pelajaran. Oleh itu, pendekatan yang perlu diketahui, dan dijalankan oleh guru dalam pembelajaran kemahiran Bahasa Inggeris pelajar ialah pendekatan yang berhubung kait antara bahan pengajaran dan aktiviti pembelajaran dengan situasi dan pengalaman pelajar. di dalam kelas. Hal ini bertumpu pada proses pembelajaran yang melibatkan pelajar untuk berfikir kritis, kreatif, mampu menyelesaikan masalah, dan menggunakan pengetahuannya dalam kehidupan sehari-hari terutamanya dalam kemahiran bahasa, iaitu pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris. Pendekatan yang mempunyai prinsip-prinsip tersebut ialah pendekatan pembelajaran inkuiri.

Matlamat kurikulum Bahasa Inggeris adalah untuk memperkayakan kemahiran pelajar berbahasa Inggeris melalui peningkatan kecekapan asas mereka yang direka setiap tema dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris (Sukatan Bahasa Inggeris SMA Depdiknas, 2006). Salah satu cabaran guru dalam menghadapi masalah kecekapan iaitu penyediaan penggunaan pelbagai pendekatan pengajaran yang berasaskan matlamat kurikulum Bahasa Inggers dalam kurikulum berasaskan

sekolah (Ridhlo, 2012; Melanie, 2012). Pencapaian keempat-empat kemahiran bahasa bukan merupakan tugas mudah bagi seorang guru Bahasa Inggeris. Guru Bahasa Inggeris perlu merekabentuk sukatan mata pelajaran dengan mengambil kira latar setempat termasuk keperluan dan kepentingan belajar pelajar. Melalui penyepaduan keperluan dan kepentingan pelajar, ianya berpotensi untuk merangsang proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Beydoĝa, 2011; Fathi Huwari dan Noor Hashima, 2011).

Dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, pelajar perlu diberi banyak masa untuk pembelajaran kemahiran mendengar, membaca, bertutur, dan menulis Bahasa Inggeris. Lie (2007) dalam kajiannya di sekolah menengah di Indonesia menyatakan bahawa penglibatan pelajar dalam pelajaran Bahasa Inggeris masih tidak memuaskan dan jumlah graduan sekolah menengah yang mampu menggunakan Bahasa Inggeris secara intensif sangat sedikit. Bagi memberikan masa yang cukup kepada pelajar dalam mengamalkan empat kemahiran bahasa, guru perlu mempunyai kecekapan untuk menjalankan pelbagai pendekatan yang sesuai (Buckingham, 2008; Windiyati, 2010). Pendekatan yang sesuai dalam pengajaran bahasa, termasuklah yang boleh meningkatkan motivasi dan minat pelajar yang boleh membantu mereka memahami setiap bahan pelajaran. Oleh itu, pendekatan pembelajaran inkuiri menjadi salah satu alternatif bagi guru untuk memastikan pencapaian kemahiran menulis di kalangan pelajar.

Pendekatan inkuiri ialah pendekatan pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Pendekatan ini merangkumi proses percambahan idea, aktif berkomunikasi, sama ada dalam bentuk lisan dan bertulis, yang akan menjana pengalaman belajar yang lebih baik (Tanto dan Luciana, 2009; Crawford, Kathleen & Short, Kathy, 1996; Cuban, 1993; Henningsen dan Stein, 1997; Hayes, 2002; Abu-Febri, 2002). Bagi memastikan kejayaan pelajar perlu dibina keyakinan dirinya bersama-sama guru sepanjang masa dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi mencapai matlamat tersebut, pelajar memerlukan model sokongan. Model sokongan ini sangat penting terutamanya dalam melaksanakan pembelajaran inkuiri yang diperlukan

sebelum dan semasa melakukan pembelajaran inkuiri (Friedrichson dan Meis, 2006). Guru perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang kandungan mata pelajaran yang akan diajarkan dengan menggunakan pendekatan inkuiri. Walau bagaimanapun masih ramai guru tidak mempunyai kefahaman dan kemahiran tentang bagaimana menggunakan pendekatan inkuiri (Newman dan Hubbard, 2004).

Mata pelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah bertujuan untuk membangunkan kemahiran bahasa sama ada dalam bentuk bahasa lisan mahupun bahasa tulisan. Rita dan Rita (2011) menegaskan bahawa kedua-dua bentuk tersebut tidak diajarkan secara seimbang, dimana bentuk bahasa lisan masih lebih banyak diajarkan dibandingkan dengan bahasa tulisan. Menurut Rita dan Rita (2011) hal ini disebabkan kerana pembelajaran kemahiran menulis memerlukan kegiatan berfikir untuk menjana idea atau membina ungkapan dalam bentuk tulisan. Sementara, (Depdiknas (2006) di dalam sukatan Bahasa Inggeris sekolah menengah menyatakan bahawa berkomunikasi melalui bahasa tulisan dan bahasa lisan yang sesuai secara lancar dan tepat iaitu menggunakan wacana interaksional atau monolog. Hal ini melibatkan wacana berbentuk deskripsi, narasi, prosedur, anekdot, eksposisi, penjelasan, perbincangan, dan komen, dengan berbagai ungkapan makna interpersonal, tekstual sederhana dan idea rasional (Depdiknas, 2006).

### 1.2.1 Kesukaran Pelajar dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis

Pembelajaran kemahiran menulis adalah salah satu kemahiran bahasa yang dalam pelaksanaan kegiatannya mempunyai hubungan dengan proses berfikir serta kemahiran dalam bentuk bahasa tulisan secara ekspresi. Walaupun pembelajaran kemahiran menulis adalah satu daripada empat kemahiran bahasa, dalam proses pembelajaran bahasa, ianya tidak mungkin dapat dipisahkan dengan kemahiran membaca, mendengar, dan bertutur. Keempat kemahiran bahasa itu saling melengkapi sepertimana mata pelajaran Bahasa Inggeris pada kurikulum 2006 di sekolah menengah atas dinyatakan bahawa salah satu tujuan pengajaran Bahasa

Inggeris ialah mengembangkan pencapaian berbahasa sama ada dalam bentuk bahasa lisan mahupun bahasa tulisan.

Pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris untuk pelajar Sekolah Menengah diarahkan kepada pencapaian kompetensi pelajar untuk mengungkapkan belbagai makna dalam berkomunikasi. Oleh itu, pelajar perlu menggunakan belbagai langkah retorik yang baik dan benar tentang suatu topik dalam teks penulisan. Ianya dapat digunakan dengan bertumpu kepada ciri-ciri jenis bahasa penulisan yang berhubungkait dengan pengalaman dalam kehidupan sehari. (Depdiknas, 2006).

Seterusnya beberapa kajian lepas daripada luar negara menunjukkan kesukaran dalam kemahiran menulis. Pembelajaran kemahiran menulis yang disebabkan oleh ketidaktentuan dan kesukaran adalah satu masalah bagi individu terutamanya pelajar yang mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing atau bahasa kedua (Beydoĝa, 2011; Talebinezhad dan Negari, 2009; Buckingham, 2008; Fathi Huwari & Noor Hashima, 2011). Kesukaran ini disebabkan oleh frekuensi penggunaan bahasa asing itu rendah terutamanya dalam proses menulis. Kebanyakan aktiviti pembelajaran kemahiran menulis ditumpukan kepada program seharian dan ditulis dengan bahasa negara sendiri.

Berdasarkan kajian-kajian lepas (Talebinezhad dan Negari, 2009; Beydoĝa, 2011; Fathi Huwari & Noor Hashima, 2011; Buckingham, 2008; Mourtaga, 2011; Melanie, 2012) menyatakan bahawa kompetensi guru perlu dikuat kuasa kembali dalam pengembangan pembelajaran kemahiran menulis pelajar khasnya dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Salah satu kompetensi guru yang perlu dikembangkan adalah kompetensi menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran dan menjadikannya salah satu pendekatan utama dalam reka bentuk sukatan pembelajaran dan rancangan pelajaran.

Proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris berupaya melatih pembelajaran kemahiran menulis pelajar, namun begitu, proses ini masih mempunyai banyak kekurangan. Sugiharti (2012) menyatakan bahawa aktiviti awal

pelajar dalam pembelajaran kemahiran menulis menghadapi kesukaran dalam proses menjana dan menulis idea kerana pelajar tidak memahami langkah-langkah penulisan. Kesukaran pada peringkat awal inilah yang menimbulkan sikap malas dan membantutkan motivasi mereka dalam mempelajari kemahiran menulis. di kalangan pelajar. Bagi pelajar Sekolah Menengah di Indonesia juga mengalami kesukaran dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris disebabkan kerana pelajar tidak mampu mengungkapkan apa yang difikirkan, sukar mengembangkan idea-idea,kesukaran dalam mengungkapkan perasaan, pendapat adalah sukar dituliskan walaupun ianya pernah dipelajari, dibaca, didengar mahupun dilihat (Sam Mukhtar Chaniago, Jamaluddin Badusah, dan Mohamed Amin. (2011).

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru Bahasa Inggeris tidak memberikan sepenuh perhatian kepada pembelajaran kemahiran menulis kerana mereka percaya bahawa pembelajaran kemahiran menulis itu sukar (Rita dan Rita, 2011). Mengikut Rita dan Rita (2011) pembelajaran kemahiran menulis adalah kemahiran yang menpersyaratkan elemen organisasi yang kemudian dikomunikasikan dalam bentuk teks kerana pembelajaran kemahiran menulis itu mempunyai komponen yang kompleks seperti elemen kandungan, organisasi, penggunaan bahasa, kosa kata, dan mekanik.

Seterusnya, Ridho (2012) merumuskan bahawa pelajar di Indonesia mempunyai masalah dalam menghasilkan penulisan khasnya dalam elemen organisasi. Selain itu, pelajar yang mahu mempelajari kemahiran menulis, mereka mempelajari kemahiran menulis pada elemen kosa kata atau ayat tetapi mereka tidak berfikir sama ada betul atau salah penulisan mereka. Oleh itu, Ridhlo (2012) mencadangkan agar guru-guru Bahasa Inggeris menjadi lebih kreatif dalam usaha untuk menguasai teknik pengajaran supaya bahan-bahan yang mereka ajarkan mudah difahami oleh pelajar.

Kajian Alwasilah (2006) mendapati bahawa pelajar Indonesia dikategorikan gagal dalam mempelajari kemahiran menulis kerana guru tidak mengintegrasi akpek-aspek keperluan pelajar dalam sukatan pembelajaran dan cenderung menggunakan

pendekatan konvensional seperti kuliah, latih tubi, terjemahan, dan ringkasan. Alwasilah (2006) melanjutkan bahawa membangunkan pembelajaran kemahiran menulis dalam pengajaran Bahasa Inggeris, memerlukan penekanan kepada proses, bukan pada produk, kuantiti bukan kualiti, kelancaran bukan ketepatan. Selain itu Lewis (1993) menyatakan bahawa pelajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing tidak mempunyai pengalaman menulis, dan mempunyai masalah dalam penguasaan elemen kandungan, oraganisasi, kosa kata, penggunaan bahasa, dan mekanik.

Seterusnya, Lewis (1993), Weigle (2009), Arif Yusuf (2011), Yahya (2009), dan Kiki (2008) merumuskan bahawa pembelajaran kemahiran menulis gagal dijalankan kerana pelajar gagal menggunakan kemahiran bahasa lainnya dalam pembelajaran kemahiran menulis seperti pengetahuan elemen kandungan, organisasi, kosa kata, penggunaan, bahasa dan mekanik. Pembelajaran kemahiran menulis memerlukan pula kemahiran untuk merangkai kosa kata menjadi ayat, dan mengembangkan ayat menjadi perenggan yang mempunyai tata bahasa, pengaturan, dan koheren yang baik.

Berdasarkan kajian Harwanto (2006) mendapati bahawa beberapa sebab pembelajaran kemahiran menulis tidak berkesan untuk difahami oleh pelajar kerana pertama, dari segi elemen organisasi, idea yang diterjemahkan dalam bentuk penulisan tidak teratur. Penulisan yang tidak teratur menyebabkan pembaca sukar memahaminya. Kedua, idea yang sama tidak disusun atur dalam satu perenggan yang sama. Ketiga, penulis masih tidak memahami cara menggunakan penghubung minda seperti oleh itu, sungguhpun demikian, walau bagaimanapun dan sebagainya bagi menghubungkan setiap perenggan dalam penulisan mereka, memulakan tulisan dengan benar seperti cara pembaca memulakan bacaannya. Keempat, dari segi organisasi, pelajar tidak mengakhiri tulisan dengan baik sehingga tulisan seperti tidak selesai. Kelima, perkaitan idea tidak jelas. Keenam, sikap penulis tidak jelas. Ketujuh, dari segi elemen mekanik, ayat tidak menggunakan tanda baca yang tepat. Oleh itu guru-guru Bahasa Inggeris dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran harus melatih pelajar mereka untuk mengatasi kesukaran-kesukaran dalam menggunakan kemahiran menulis.

Kajian Windiyati (2010) menyimpulkan bahawa terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Inggeris dalam pengajaran menulis iaitu masalah berhubung kait dengan penyediaan pengajaran, teknik mengajar, dan penggunaan buku teks. Akibatnya, guru mendapat kesukaran dalam memahami objektif pengajaran, memilih tema dan topik, menggabungkan bahan-bahan pengajaran dari buku teks dan bahan mengajar yang digunakan, dan juga tidak merancang masa dengan baik bagi menyediakan semua persediaan pengajaran.

Menurut Herlinawati (2011), guru Bahasa Inggeris dalam pengetahuan asas tentang Bahasa Inggeris masih rendah manakala aspek ini merupakan aspek yang paling penting bagi guru Bahasa Inggeris dalam memastikan pengajaran mereka secara efisyen. Maknanya, guru tidak menggunakan banyak pengetahuan asas Bahasa Inggeris dalam pelatihan guru Bahasa Inggeris. Bagi meningkatkan pembelajaran kemahiran menulis pelajar, guru Bahasa Inggeris mempunyai tanggung jawab yang sangat penting. Kompetensi guru Bahasa Inggeris yang tinggi mampu memberi jalan penyelesaian terhadap kelemahan pelajar dalam kemahiran menulis Bahasa Inggeris.

Alimashudin (2008) dalam kajiannya di sebuah sekolah menengah di Bandar Makassar, Indonesia mendapati bahawa di antara empat kemahiran Bahasa Inggeris, pembelajaran kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling sukar berbanding kemahiran lainnya (mendengar, membaca, dan bertutur). Kesukaran dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris disebabkan kerana ianya memerlukan pengetahuan tentang lima elemen menulis iaitu, elemen kandungan, organisasi, kosa kata, penggunaan bahasa, dan mekanik, yang bertujuan untuk mengaitkan pengetahuan yang dimilikinya dengan kehidupan sebagai ahli masyarakat dan ahli keluarga.

Berdasarkan daripada dapatan kajian lepas (Alwasilah, 2006; Ridhlo, 2012; Sam Mukhtar Chaniago *et al*., 2011; Rita dan Rita, 2011) dapatlah dirumuskan bahawa pelajar mempunyai beberapa masalah dalam pembelajaran menulis. Masalah

tersebut iaitu minat belajar pelajar adalah rendah terhadap kemahiran menulis Bahasa Inggeris, perancangan aktiviti proses pembelajaran kemahiran menulis pelajar masih rendah, pelajar belum mahir dalam mengungkapkan dan membangunkan idea dalam bentuk tulisan, dan pelajar belum mahir dalam mengorganisasi tulisan yang bermakna.

Seterusnya bagi menggunakan gambaran awal tentang kesukaran pelajar dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris, pengkaji telah melakukan penyelidikan awal (*preliminary investigation*) pada gred 10 E di MAN 3 Makassar pada tarikh 6 hb Januari 2014. Pemerhatian dalam kelas mendapati bahawa hampir semua pelajar di kelas itu merasa sukar untuk membangunkan idea dalam menulis. Seramai 34 orang pelajar yang berada dalam kelas di mana pemerhatian dijalankan didapati hanya 11.77% pelajar yang mendapatkan nilai baik dalam pembelajaran kemahiran menulis satu perenggan singkat dalam masa 45 minit yang disediakan oleh guru. Selebihnya masih mempunyai masalah serius dalam belajar Bahasa Inggeris khasnya pembelajaran kemahiran menulis. Selepas pemerhatian kelas itu, salah seorang pelajar yang ditemu bual secara singkat dengan soalan, "mengapa nampaknya sukar mengembangkan tulisan?" Jawapannya secara ringkas bahawa ia tidak mampu mengembangkan kandungan tulisan, tidak faham mengatur ayat dalam Bahasa Inggeris, kurang kosa kata Bahasa Inggeris, tidak mengetahui tata bahasa kerana gurunya tidak mengajarinya secara terperinci. Dapat disimpulkan bahawa yang bermasalah bagi pelajar MAN 3 Makassar dalam kemahiran menulis Bahasa Inggeris adalah elemen kandungan, elemen organisasi, elemen kosa kata, dan penggunaan bahasa.

Selain itu, kajian awal yang dijalankan terhadap dokumen hasil belajar di MAN 3 Makassar didapati bahawa pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris pelajar gred 10 semester genap tahun 2013/2014 belum mencapai tahap maksima. Hasil belajar pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris menunjukkan bahawa daripada 155 pelajar yang terdiri daripada 7 kelas gred 10, masih terdapat 129 (83%) pelajar yang menggunakan nilai hanya rapat dengan nilai standard minimum atau dalam kategori nilai rendah. Selain itu, beberapa kaedah

pembelajaran yang berasas ceramah, latih tubi, dan hafalan seperti pembelajaran analisis kesilapan secara kolaboratif (Alwasilah, 2006), proses dengan strategi menulis (Harwanto, 2005 dan Alimashuddin, 2008), analisis kesilapan (Yahya, 2009), dan analisis tata bahasa (Kiki, 2008 dan Yusuf, 2011) masih belum mampu meningkatkan kemahiran menulis pelajar pada mata pelajaran Bahasa Inggeris

### 1.2.2 Pembelajaran Inkuiri dalam Kemahiran Menulis

Berdasarkan Kurikulum berasaskan sekolah tahun 2006, pembangunan kompetensi dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah terdiri daripada empat kompetensi, iaitu bertutr, mendengar, menulis dan membaca (Depdiknas, 2006). Setiap pelajar perlu menguasai kompetensi tersebut untuk kelulusan serta untuk meneruskan ke pendidikan yang lebih tinggi. Bagi meningkatkan kompetensi Bahasa Inggeris pelajar, terutamanya pembelajaran kompetensi lisan dan pembelajaran kemahiran menulis, maka salah satu alternatif pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan adalah dengan menggunakan pendekatan inkuiri (Tanto dan Luciana, 2009).

Selain itu, terdapat pula beberapa kajian mengenai pendekatan pembelajaran inkuiri dalam pembelajaran Bahasa Inggeris khasnya pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris (Tanto dan Luciana, 2009; Pearson, 2007; Colwell, 2003; Crawford, Kathleen & Short, Kathy, 1996; Cuban, 1993).

Crawford *et al.* (1996) menyatakan bahawa ketika guru Bahasa Inggeris mengajar teks tertentu, mereka tidak hanya menerangkan alur, simbol, dan tema yang berhubungkait dengan teks tersebut. Oleh itu, guru sebaiknya menggunakan pendekatan inkuiri untuk menolong pelajar memahami kehidupan dan pengalaman secara nyata melalui teks. Pendekatan inkuiri dengan teks dalam pelajaran Bahasa Inggeris membolehkan pelajar membuat perkaitan yang jelas antara yang dipelajari dengan kehidupan nyata.

Pemerhatian Brown (2008) terhadap pelajar yang menyediakan nota lapangan yang dianggap sebagai makmal ujikaji untuk mencari jalan penyelesaian bagi memperbaiki pembelajaran di masa hadapan. Menyarankan supaya pelajar perlu mempunyai keupayaan untuk mencari jawapan dan membuat penyiasatan sendiri. Pelajar perlu disediakan dengan cabaran dan didorong untuk mengarahkan pembelajaran mereka sendiri iaitu mereka belajar secara bebas. Seterusnya, pembelajaran inkuiri, menurut Atkinson *et al.* (2008), juga boleh meningkatkan kemahiran berfikir yang tinggi untuk pelajar. Ia boleh disimpulkan bahawa pelajar masih sukar untuk belajar kendiri. Oleh itu, pembelajaran inkuiri boleh menjadi satu pendekatan pengajaran untuk mencapai tingkat pemikiran yang tinggi bagi pelajar.

Seterusnya, isu utama pembelajaran yang diasaskan kepada pengalaman adalah untuk memilih jenis pengalaman yang produktif untuk memenuhi masa hadapan (Dewey, 1997). Pembelajaran inkuiri boleh menyediakan pengalaman tersebut. Harada dan Yoshina (2004) menggambarkan bahawa pembelajaran inkuiri mempunyai keupayaan untuk menggalakkan tahap pemikiran yang lebih mendalam dan meningkatkan motivasi pelajar bagi pembelajaran Bahasa Inggeris.

Di Indonesia, Tanto dan Luciana (2009) dalam kajiannya di SMA PGRI 2 Bandung menyimpulkan bahawa untuk melatih pelajar berbahasa Inggeris, terutamanya berkaitan dengan pembelajaran kemahiran menulis maka pendekatan inkuiri adalah salah satu pilihan pendekatan pengajaran yang boleh digunakan. Kajian Tanto dan Luciana (2009) mencadangkan bahawa pendekatan inkuiri menuntut setiap pelajar menunjukkan kreativiti dan pencapaiannya dalam mencari idea cerita serta menyusunnya ke dalam satu cerita dalam bentuk gambar, serta menghasilkan produk yang terakhir yang dibuat dalam bentuk CD. Kesemua proses di atas dijalankan secara bersama-sama dalam kumpulan dengan menggunakan bahasa Inggeris. Hasil daripada kajian tersebut didapati bahawa pelajar mendapat banyak faedah yang membantu peningkatan kemahiran menulis bahasa Inggeris mereka.

## 1.3 Pernyataan Masalah

Penguasaan kemahiran menulis dalam mata pelajaran bahasa Inggeris di Indonesia masih sukar dan bahkan dinyatakan masih pada tahap rendah, kerana untuk mencapainya bukan mudah untuk guru bahasa Inggeris ((Mourtaga, 2011; Thalal, 2010; Lie, 2007; Walyani, 2007; Utami & Cahyono, 2006; Beydoĝa, 2011; Huwari & Hashima, 2011). Beberapa kajian lepas mendapati pula bahawa pendekatan pengajaran dan pembelajaran berhubungkait dengan keterlibatan aktif dan pencapaian belajar pelajar (Doolittle dan Camp, 1999; Windiyati, 2010). Oleh itu, pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris di Indonesia belum cukup melibatkan pelajar secara aktif dan belum mampu meningkatkan pencapaian kemahiran bahasa secara signifikan.

Seterusnya Rita dan Rita (2011) dan Alimashudin (2008) menyatakan bahawa pembelajaran kemahiran menulis merupakan yang paling sukar di antara keempat-empat kemahiran bahasa dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di Indonesia, kerana guru di Indonesia mengajar Bahasa Inggeris tidak banyak memberi perhatian kepada pembelajaran kemahiran menulis pelajar. Berdasarkan kajian-kajian lepas, (Sugiharti, 2012; Ridhlo, 2012; Sam Mukhtar Chaniago *et al*., 2011; Rita dan Rita, 2011; Alwasilah, 2006; Melanie, 2012; Mourtaga, 2011; Bukingham, 2008; Huwari dan Noor Hashima, 2011) mendapati bahawa dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing di sekolah menengah, pelajar mempunyai kesukaran dalam pembelajaran kemahiran menulis dan ianya perlu ditingkatkan dengan pelbagai pendekatan pengajaran.

Beberapa punca kepada kesukaran pembelajaran kemahiran menulis dijelaskan dari dapatan kajian-kajian lepas (Alimashudin, 2008; Weigle, 2009; Yusuf, 2011; Yahya, 2009; Kiki, 2008; Harwanto, 2006; Toubat, 2003; Buckingham, 2008; Windiyati, 2010; Ridhlo, 2012) menyatakan bahawa pelajar mempunyai kemahiran menulis yang rendah dan pembelajaran dinyatakan gagal dilaksanakan kerana teknik dan pendekatan pengajaran yang digunakan masih konvensional

seperti ceramah dan latih tubi sahaja dan tidak dapat mengembangkan tahap penglibatan pelajar dalam mengamalkan kemahiran menulis bagi pelajar.

Secara khas, berdasarkan keputusan kajian Harwanto, (2005), Alimashudin (2008), Kiki (2008), Yahya (2009), Windiyanti (2010) dan Yusuf (2011) dapat disimpulkan bahawa markah Bahasa Inggeris bagi pelajar adalah rendah disebabkan oleh kemahiran menulis mereka yang rendah walaupun proses pengajaran dan pembelajaran telah dijalankan dengan berbagai kaedah seperti pembelajaran analisis kesilapan secara kolaboratif (Alwasilah, 2006), proses dengan strategi menulis (Harwanto, 2005 dan Alimashuddin, 2008), analisis kesilapan (Yahya, 2009), dan analisis tata bahasa  (Kiki, 2008 dan Yusuf, 2011). Ianya dapat disimpulkan bahawa kaedah-kaedah pengajaran tersebut masih belum mampu meningkatkan kemahiran menulis pelajar kerana keadah-kaedah tersebut masih berbasis ceramah dan latih tubi.

Pernyataan-pernyataan di atas, jelas membuktikan bahawa rendahnya pencapaian pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris pelajar sama ada di Makassar Sulawesi Selatan Indonesia mahupun di luar Negara secara amnya. Rendahnya pencapaian pembelajaran  kemahiran menulis di Sekolah menengah tentu sahaja akan sukar bagi pelajar dalam mempelajari kemahiran menulis pada tahap yang lebih tinggi. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, pengkaji sependapat  perlu untuk menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris pelajar di Madrasah Aliyah Negeri (MAN) 3 Makassar.

Walau bagaimana pun, seiring dengan tujuan kurikulum Bahasa Inggeris 2006 yang digunakan di Indonesia, penggunaan pendekatan atau kaedah yang berdasarkan ceramah dan latih tubi perlu dikurangi atau bahkan dihapuskan. Oleh itu, kurikulum Bahasa Inggeris 2006 menginginkan pendekatan yang berpusat kepada pelajar dan salah satu pendekatan pembelajaran yang mampu melibatkan pelajar  seperti yang dijangka dalam kurikulum adalah pendekatan pembelajaran inkuiri.

Beberapa kajian lepas tentang penggunaan pendekatan inkuiri (seperti Harada dan Yoshina, 2004; Tanto dan Luciana, 2009; Pearson, 2007; Colwell, 2003; Crawford *et al.*, 1996; Cuban, 1993) menyarankan bahawa untuk melatih pelajar berbahasa Inggeris, terutamanya berkaitan dengan pembelajaran kemahiran bahasa maka pendekatan inkuiri dapat menjadi salah satu pilihan pendekatan pembelajaran yang boleh digunakan. Oleh itu, kajian ini mengkaji pula pendekatan pembelajaran inkuiri, namun dengan melibatkan penggunaan lima pendekatan inkuiri iaitu inkuiri pengesahan, inkuiri terstruktur, inkuiri terbimbing, inkuiri terbuka, dan inkuiri autentik. Dari kelima pendekatan inkuiri tersebut akan dikenalpasti pendekatan inkuiri yang paling sesuai untuk meningkatkan kemahiran menulis Bahasa Inggeris pelajar di MAN 3 Makassar.

Kajian-kajian lepas tentang kemahiran menulis Bahasa Inggeris (Ridhlo, 2012; Sam Mukhtar Chaniago *et al.*, 2011; Rita dan Rita, 2011; Alwasilah, 2006; Melanie, 2012; Mourtaga, 2011; Bukingham, 2008; Huwari dan Noor Hashima, 2011) mengkaji tentang kemahiran menulis Bahasa Inggeris secara am. Dalam kajian ini, kemahiran menulis diperincikan dengan menggunakan lima elemen menulis mengikut Jacob *et al* (1983) iaitu kandungan, organisasi, kosa kata, penggunaan bahasa, dan mekanik. Kelima-lima elemen menulis tersebut diajari dengan menggunakan pembelajaran inkuiri dengan lima pendekatan inkuiri. Kajian ini diharapkan dapat mengisi jurang yang masih terdapat dalam kajian-kajian lepas khasnya dalam penggunaan pendekatan inkuiri dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris

## 1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan masalah yang dinyatakan, maka perlu dijalankan kajian yang sama untuk membangunkan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris di Madrasah Negeri Makassar. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti jenis pendekatan pembelajaran inkuiri yang dapat meningkatkan pencapaian kemahiran

menulis Bahasa Inggeris pelajar dan mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi pelajar dalam pendekatan pembelajaran inkuiri. Seterusnya, rumusan objektif kajian ini iaitu sebagai berikut:.

1. Menentukan pencapaian ujian pra pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris.
2. Menentukan pencapaian ujian pos pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris.
3. Menentukan pencapaian ujian pra pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran konvensional dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris.
4. Menentukan pencapaian ujian pos pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran konvensional dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris.
5. Membandingkan pencapaian ujian pra antara pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri dengan pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran konvensional dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris.
6. Membandingkan pencapaian ujian pos antara pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri dengan pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran konvensional dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris.
7. Menentukan inkuiri di antara inkuiri pengesahan, inkuiri terstruktur, inkuiri terbimbing, inkuiri terbuka, dan inkuiri autentik yang paling diminati pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris.
8. Mengenal pasti masalah-masalah bagi pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris.
9. Mencadangkan pendekatan pembelajaran inkuiri yang boleh meningkatkan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris.

## 1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan tujuan kajian di atas, maka dapat dirumuskan soalan kajian sebagai berikut:

1. Apakah pencapaian ujian pra pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris?
2. Apakah pencapaian ujian pos pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris?
3. Apakah pencapaian ujian pra pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran konvensional dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris?
4. Apakah pencapaian ujian pos pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran konvensional dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris?
5. Adakah terdapat perbezaan pencapaian kemahiran menulis melalui ujian pra antara pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri dengan pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran konvensional dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris?
6. Adakah terdapat perbezaan pencapaian kemahiran menulis melalui ujian pos antara pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri dengan pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran konvensional dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris?
7. Inkuiri apakah di antara inkuiri pengesahan, inkuiri terstruktur, inkuiri terbimbing, inkuiri terbuka, dan inkuiri autentik yang paling diminati pelajar dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris?
8. Apakah masalah-masalah bagi pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris?

9. Bagaimanakah pendekatan pembelajaran inkuiri yang boleh meningkatkan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Untuk menjawab soalan kajian 5 hipotesis $H_0$ 1 dibina iaitu.

$H_0$ 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian ujian pra antara pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri dengan pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran konvensional dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris.

Untuk menjawab soalan kajian 6 hipotesis $H_0$ 2 dibina iaitu.

$H_0$ 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian ujian pos antara pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri dengan pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran konvensional dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris.

## 1.7 Rasional Kajian

Kajian tentang penggunaan pendekatan pembelajaran yang digunakan pada mata pelajaran Bahasa Inggeris oleh beberapa pakar (Harwanto, 2005; Alimashudin, 2008; Kiki, 2008; Yahya, 2009; Windiyanti, 2010 dan Yusuf, 2011) menunjukkan pentingnya melibatkan pelajar secara aktif. Kajian-kajian tersebut menyarankan kepada guru untuk menggunakan pendekatan pembelajaran yang dapat melibatkan pelajar secara aktif. Mereka berpendapat bahawa pendekatan pembelajaran sangat menentukan keterlibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Bahkan Thalal (2010) menyarankan bahawa dalam menyediakan kandungan pengajaran Bahasa Inggeris secara kreatif dan membuat situasi kelas yang lebih komunikatif, guru perlu

menggunakan kaedah atau pendekatan pembelajaran yang dapat melibatkan pelajar secara aktif.

Selari itu, kurikulum Bahasa Inggeris tahun 2006 (Depdiknas, 2006) bertujuan untuk membangunkan kemahiran pelajar untuk berkomunikasi dengan menggunakan Bahasa Inggeris sama ada lisan mahupun tulisan. Oleh itu, guru perlu menggunakan kaedah yang berasaskan pembelajaran berpusatkan pelajar *(student-centered learning)*. Maknanya, matlamat kurikulum Bahasa Inggeris tersebut dapat dicapai dengan cepat apabila kaedah atau pendekatan pembelajaran yang digunakan dapat melibatkan pelajar secara aktif.

Kemahiran Bahasa Inggeris seperti mendengar, membaca, bertutur, dan menulis secara amnya sangat penting dalam berkomunikasi. Namun, mengikut kajian Rita dan Rita (2011) bahawa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas kebanyakannya berfokus kepada kemahiran mendengar, membaca, dan bertutur. Seterusnya ia menyatakan bahawa kemahiran menulis secara amnya tidak mendapat proses pengajaran yang maksimum sehingga sukar untuk mencapai tujuan kemahiran menulis secara maksimum pula. Bahkan guru merasa sukar menggunakan pendekatan yang tepat untuk mengajarkan kemahiran menulis Bahasa Inggeris.

Oleh itu, kajian tentang pendekatan inkuiri ini dapat menjadi salah satu pilihan pendekatan pembelajaran untuk melibatkan pelajar secara aktif dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris. Kajian lepas tentang penggunaan pendekatan inkuiri (seperti Harada dan Yoshina, 2004; Tanto dan Luciana, 2009; Pearson, 2007; Colwell, 2003; Crawford *et al.*, 1996; Cuban, 1993 menyarankan menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri untuk melibatkan pelajar berkomunukasi dengan menggunakan Bahasa Inggeris secara aktif.

Kajian ini dijalankan di Madrasah Aliyah Negeri 3 Makassar. Kerana posisi sosial madrasah selama ini proses pengajaran dan pembelajarannya berasaskan Islam. Menurut Rachmawaty (2004), madrasah cenderung dijadikan alternatif

terakhir bagi masyarakat untuk melanjutkan pendidikan formal anak-anak mereka. Ini disebabkan, pandangan masyarakat terhadap madrasah masih bersifat konserfatif yang menganggap madrasah terkebelakang dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi. Prestasi yang dimiliki pelajar lebih kurang dibandingkan dengan sekolah am. Oleh itu, kajian tentang penggunaan pendekatan pembelajaran inkuiri dalam kemahiran menulis Bahasa Inggeris di MAN 3 Makassar ini seharusnya diamalkan dalam pengembangan ilmu pengetahuan dan teknologi, seperti yang dijalankan oleh sekolah-sekolah lainnya di Indonesia.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Secara am, kajian ini mempunyai kepentingan yang dapat menjadi panduan kepada guru-guru Bahasa Inggeris dalam upaya meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris oleh pemerintah yang terlibat langsung mahupun tidak langsung dalam pendidikan, dan pencapaian belajar Bahasa Inggeris khasnya pembelajaran kemahiran menulis di MAN 3 Makassar.

Kajian ini diharap pula boleh membantu pemerintah iaitu, Dinas Pendidikan Kota Makassar, Kementerian Agama Kota Makassar, Kementerian Agama Provinsi Sulawesi Selatan dan Dinas Pendidikan Sulawesi Selatan mahupun secara tidak langsung untuk meningkatkan kualiti pendidikan di Sulawesi Selatan khasnya di Bandar Makassar melalui pengembangan kurikulum dan pembelajaran yang digunakan di sekolah-sekolah sama ada sekolah yang dibina oleh Kementerian Agama mahupun sekolah yang dibina oleh Dinas Pendidikan. Akhirnya sekolah-sekolah boleh mengambil manfaat dari pembangunan kurikulum dan pembelajaran itu sebagai hasil daripada kajian ini.

Kajian ini juga diharapkan pula bermanfaat bagi kalangan pelajar khasnya pelajar di MAN 3 Makassar untuk meningkatkan pencapaian hasil belajar Bahasa

Inggeris mereka, menguasai keempat-empat kemahiran bahasa dan lebih khas lagi penguasaan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris. Dengan penguasaan Bahasa Inggeris yang baik, mereka boleh berkomunikasi dengan menggunakan Bahasa Inggeris secara lisan dan bertulis di masyarakat hingga peringkat antarbangsa.

## 1.9 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori dalam kajian ini bertujuan untuk menjelaskan pendekatan pembelajaran inkuiri terhadap pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris. Kerangka teori ini berasal dari teori Bruner, (1966) iaitu pembelajaran berasaskan inkuiri, pendekatan pembelajaran inkuiri (Buck, 2008), pembelajaran kemahiran menulis (Jacob *et al.*, 1983) dan rancangan pembelajaran Bahasa Inggeris tempatan (Jackman, 2001) untuk menghasilkan panduan pendekatan pembelajaran inkuiri terhadap pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris.

Pendekatan pembelajaran inkuiri menjadi fokus utama dalam kajian ini. Bruner (1966) menyatakan bahawa pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan pendekatan yang menumpukan kepada pelajar, yang memberi peluang seluas-luasnya kepada pelajar mengembangkan proses untuk menggunakan pengetahuan. Bruner (1966) juga menambah bahawa melalui pembelajaran inkuiri, pelajar boleh terlibat secara langsung dalam pembelajaran melalui integrasi pengalaman dengan pengetahuan sedia ada pelajar bagi membina pengetahuan baru sesuai dengan kehidupan nyata. Mengikut Buck *et al.* (2008), pembelajaran inkuiri dibahagikan kepada lima jenis iaitu inkuiri pengesahan, inkuiri terstruktur; inkuiri terbimbing; inkuiri terbuka dan inkuiri autentik. Dalam kajian ini, pembelajaran inkuiri tersebut digunakan dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris.

Bagi memahami kemahiran menulis, kajian ini menggunakan teori Jacob *et al.* (1983) yang menyatakan bahawa pembelajaran kemahiran menulis mempunyai

lima elemen iaitu kandungan, organisasi, kosa kata, penggunaan bahasa dan mekanik. Kandungan menjadi elemen utama yang sangat penting kerana ia bertujuan untuk memberi penerangan kepada pembahasan yang disampaikan kepada pembaca melalui penulisan. Elemen kedua ialah organisasi iaitu proses mengatur idea dan elemen tata bahasa dalam satu tulisan yang melibatkan koherensi, kepentingan, keteraturan kronologi, dan keteraturan dari am kepada khas ataupun sebaliknya. Kosa kata yang merupakan elemen ketiga bermaksud untuk menghasilkan tulisan yang baik sama ada tulisan yang bertujuan khas mahupun tulisan yang bersifat teknikal sangat bergantung kepada kosa kata yang digunakan oleh seseorang penulis. Elemen keempat ialah penggunaan bahasa, pembelajaran kemahiran menulis melibatkan penggunaan bahasa yang tepat yang meliputi ketepatan penggunaan kata nama kata kerja, kata benda, dan kata sifat. Elemen kelima adalah mekanik yang melibatkan kapitalisasi, sebutan, dan ejaan secara benar. Mekanik sangat penting kerana ia memandu pembaca untuk memahami apa yang penulis maksudkan dalam suatu penulisan. Maknanya, mekanik dalam pembelajaran kemahiran menulis akan memudahkan pembaca memahami idea atau cadangan-cadangan yang disampaikan dalam tulisan itu.

Rancangan pembelajaran Bahasa Inggeris berasaskan kandungan tempatan ialah menggunakan teori Jackman (2001) menyatakan bahawa rancangan pembelajaran urutan pilihan aktiviti iaitu peringkat perkembangan, kepentingan pelajar, gaya belajar, matlamat dan objektif, program pelajaran, bahan, sumber dan bekalan. Urutan tersebut diikuti pula prosedur atau langkah aktiviti yang sistematik dari awal hingga akhir pelajaran.

Berdasarkan kepada gabungan teori tersebut, maka satu kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini dapat dibina seperti dalam Rajah 1.1.




**Rajah 1.1**: Kerangka Teori Kajian

## 1.10 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konseptual kajian ini melibatkan pembelajaran dengan pendekatan pembelajaran inkuiri dan pendekatan pembelajaran konvensional sebagai pembolehubah bebas. Pendekatan pembelajaran inkuiri mempunyai lima jenis inkuiri iaitu inkuiri pengesahan, inkuiri terstruktur; inkuiri terbimbing; inkuiri terbuka dan inkuiri autentik. Manakala pendekatan pembelajaran konvensinal melibatkan aktiviti ceramah, hafalan, dan latih tubi bagi pelajar. Kedua-dua pendekatan pembelajaran inkuiri dan pendekatan pembelajaran konvensional menggunakan rancangan pembelajaran masing-masing. Kajian ini memberi tumpuan kepada pendekatan pembelajaran inkuiri dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris. Pembolehubah bersandar ialah pencapaian kemahiran menulis Bahasa Inggeris yang terdiri daripada lima elemen iaitu kandungan, organisasi, kosa

kata, penggunaan bahasa dan mekanik, yang berdasarkan dengan kurikulum Bahasa Inggeris pada pelajar gred 10 semester dua yang akan menjadi sampel kajian ini. Reka bentuk kajian ini adalah eksperimental kuasi berdasarkan kaedah penerangan berurutan yang menggabungkan teknik kuantitatif dan kualitatif. Ujian pra dijalankan sebelum pembelajaran, diberikan kepada pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri dan pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran konvensional dan ujian pos dijalankan setelah pembelajaran Selengkapnya, kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 1.2.




**Rajah 1.2**: Kerangka Konseptual Kajian

## 1.11 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menetapkan bahawa jenis pembelajaran inkuiri merupakan pendekatan pembelajaran yang menghasilkan pencapaian terbaik dalam prestasi pencapaian ujian pra dan ujian pos bagi pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris di MAN 3 Makassar. MAN 3 Makassar ialah salah sebuah sekolah yang dinyatakan setara dengan sekolah menengah atas yang dibina oleh Kementerian Agama Republik Indonesia yang mempunyai visi pengembangan penguasaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi di sekolah. Mata pelajaran Bahasa Inggeris khasnya pembelajaran kemahiran menulis diberi fokus dalam kajian ini kerana kemahiran ini merangkumi pula kemahiran bahasa yang lain seperti pengetahuan tata bahasa, kosa kata, dan cara merangkai kosa kata menjadi ayat, serta ayat menjadi perenggan. Kemahiran ini dinyatakan pula sebagai kemahiran yang paling sukar bagi kalangan pelajar sekolah menengah. Penguasaan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris ini menjadi sangat penting daripada kemahiran lainnya dalam komunikasi dan interaksi antarbangsa kerana Bahasa Inggeris sebagai bahasa antarbangsa. Oleh itu ianya tidak boleh diasingkan dari kemahiran lainnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di dalam kelas.

Prestasi pencapaian ujian pra dan ujian pos pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris melibatkan pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri dan pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran konvensional Kajian ini hanya melibatkan pelajar pada semester genap gred 10A dan 10 B di MAN 3 Makassar.

Reka bentuk yang digunakan dalam kajian ini adalah reka bentuk eksperimental kuasi iaitu rawatan perbandingan ujian pra-ujian pos kumpulan *(a quasi-eksperimental pretest-posttest control group).* Reka bentuk ini dipilih untuk membandingkan pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran inkuiri

dengan pelajar yang menggunakan pendekatan pembelajaran konvensional dalam pencapaian kemahiran menulis Bahasa Inggeris.

## 1.12 Defenisi Operasional Kajian

Bahagian definisi operasional ini ialah membentangkan definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini seperti sebagai berikut ini.

### 1.12.1 Pembelajaran Inkuiri

Sebagai asas dalam pembelajaran inkuiri, teori Bruner (1966) digunakan dalam kajian ini. Pembelajaran berasaskan inkuiri menurut Bruner (1966) ialah pendekatan pembelajaran yang bertumpu kepada pelajar, yang memberi peluang seluas-luasnya kepada pelajar untuk mengembangkan potensi dirinya dalam menggunakan pengetahuan. Menurutnya dalam pembelajaran inkuiri, pelajar harus terlibat secara langsung dalam pembelajaran melalui pengalaman dan pengetahuan dan diintegrasikan pengetahuan yang baru dalam pengetahuan yang sedia ada sehingga aktiviti menjadi kegiatan yang sesuai dengan kehidupan seharian.

